



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
KHAMIS 19 DISEMBER 2019**

BIL	TAJUK KERATAN AKHBAR	KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI
1. 2. 3.	LEBIH 100,000 PESAWAH LAYAK TERIMA SUBSIDI, NASIONAL, BH -18 LEBIH 100,000 PESAWAH LAYAK TERIMA SUBSIDI, SH -ONLINE LEBIH 100,000 PESAWAH LAYAK TERIMA SUBSIDI SELEPAS PROSES PEMUTIHAN, MALAYSIA KINI -ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA)
4.	TIADA BUKTI IA LUMBA-LUMBA SAMA, HM -ONLINE	JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF)
5.	UM SIGNS MOA FOR VETERINARY VACCINES, NATION/NEWS, NST -13	JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV)
6.	MUARA CETAK JEJAS HASIL TANGKAPAN, LOKAL, HM -12	LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM)
7. 8. 9. 10. 11. 12.	PENGASINGAN AIR INDUSTRI MADU, E-TREND, SH -21 FITUR BAHARU MANISAN LEBAH, E-TREND, SH -22 PPRN BUKTI KEMAMPUAN PENYELIDIK TEMPATAN, E-TREND, SH -23 DATUK MOHD SALLEHUDDIN HASSAN KINI TKP DI JPA, BH -ONLINE PERBAHARUI KOMITMEN SEKTOR PERTANIAN: DAIM, NASIONAL, BH -3 DAIM HARAP K'JAAN PERBAHARUI KOMITMEN TURUNKAN HARGA MAKANAN, MALAYSIA KINI -ONLINE	LAIN-LAIN

UKKMOA

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI
(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

Lebih 100,000 pesawah layak terima subsidi

Pemutihan data ambil kira faktor penerima meninggal dunia, rekod tidak dijumpai

Kuala Lumpur: Seramai 106,560 pesawah layak menerima Skim Subsidi dan Insentif Pesawah Bagi Meningkatkan Bekalan Beras Negara selepas proses pemutihan data diselesaikan setakat ini, berbanding 112,942 yang direkodkan sebelum itu.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub, berkata data berkenaan diperolehi selepas mengambil kira faktor pesawah yang meninggal dunia dan rekod tidak dijumpai.

Katanya, hasil semakan mendapati antara masalah itu adalah disebabkan pertukaran nama pemilik tanah kepada pewaris berikutan terdapat tanah mempunyai lebih daripada seo-



Hasil semakan mendapati antara masalah itu adalah disebabkan pertukaran nama pemilik tanah kepada pewaris.

Salahuddin Ayub,
Menteri Pertanian
dan Industri Asas Tani

(PPK) yang dilakukan pada setiap musim penanaman.

Behau yang juga Ahli Parlimen Pulau berkata, berdasarkan hasil pemutihan data pesawah itu, didapati 94,512 pesawah masih hidup, 11,712 meninggal dunia dan hanya 7,788 didaftarkan semula.

Bagi rekod tidak dijumpai pula, katanya, sebanyak 4,260 orang didaftarkan selepas proses pemutihan data berbanding 6,718 orang sebelum ini.

Sementara itu, Salahuddin yang juga Timbalan Presiden Parti Amanah Negara (AMANAH) berkata, kementerian akan memantau keadaan banjiir di kebanyakan negeri ketika ini bagi mengenal pasti petani yang terjejas.

"Sekiranya ada pegawai bertanggungjawab di Kementerian akan membuat semakan supaya bantuan dapat diberikan berdasarkan jumlah mangsa banjiir dan nilai kehilangan hasil. Saya minta pegawai memeriksa dan jika ada aduan, mereka (pegawai) akan rekodkan."

"Kita perlu teliti jumlah mangsa terjejas dan nilai hasil yang hilang untuk diberi bantuan," katanya. **BERNAMA**

Subsidi dan Insentif Pesawah Bagi Meningkatkan Bekalan Beras Negara.

Laporan itu turut mendedahkan, ia mengesan antara 3,210 hingga 7,061 pesawah sudah meninggal dunia, tetapi masih menerima subsidi dan insentif setiap musim berjumlah RM57.92 juta.

Salahuddin berkata, proses pemutihan data pesawah atau penerima itu dilaksanakan Jawatankuasa Penapis pada peringkat Pertubuhan Peladang Kawasan

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/12/2019	SINAR HARIAN	ONLINE	

Lebih 100,000 pesawah layak terima subsidi



Seramai 106,560 pesawah layak terima Skim Subsidi dan Insentif Pesawah Bagi Meningkatkan Bekalan Beras Negara selepas proses pemutihan data dilakukan. - Foto 123RF

KUALA LUMPUR - Seramai 106,560 pesawah layak menerima Skim Subsidi dan Insentif Pesawah Bagi Meningkatkan Bekalan Beras Negara selepas proses pemutihan data mereka setakat ini, berbanding 112,942 yang direkodkan sebelum ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata, data berkenaan diperoleh selepas mengambil kira faktor pesawah yang telah meninggal dunia dan rekod tidak dijumpai.

Menurutnya, hasil semakan mendapati antara masalah yang berlaku adalah disebabkan pertukaran nama pemilik tanah kepada pewaris berikutan terdapat tanah yang mempunyai lebih daripada seorang penama.

"Di antaranya adalah masalah bagaimana kebun atau bendang itu diwariskan kepada anak, mungkin selepas dia uzur atau meninggal dunia dan kadang-kadang satu geran kecil tapi (mempunyai) banyak nama," katanya kepada pemberita di sini baru-baru ini.

Salahuddin berkata, proses pemutihan data pesawah atau penerima itu dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penapis di peringkat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang dilakukan pada setiap musim penanaman.

Dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 2, 2018 yang dikeluarkan pada 2 Disember, terdapat pesawah yang sudah meninggal dunia 40 tahun lalu menjadi antara 7,061 individu yang dikesan masih tersenarai sebagai penerima Skim Subsidi dan Insentif Pesawah Bagi Meningkatkan Bekalan Beras Negara.

Laporan itu turut mendedahkan ia mengesan antara 3,210 hingga 7,061 pesawah sudah meninggal dunia masih menerima subsidi dan insentif setiap musim berjumlah RM57.92 juta.

Salahuddin yang juga Ahli Parlimen Pulau berkata, berdasarkan hasil pemutihan data pesawah itu, didapati 94,512 pesawah masih hidup manakala dalam data pesawah menunjukkan 11,712 telah meninggal dunia dan selepas proses pemutihan data hanya 7,788 orang didaftarkan semula.

Bagi rekod tidak dijumpai pula, seramai 4,260 orang didaftarkan selepas proses pemutihan data berbanding 6,718 orang sebelum ini.

Dalam perkembangan lain, Salahuddin yang juga Timbalan Presiden Parti Amanah Negara (Amanah) berkata, kementerian berkenaan akan turut sama memantau keadaan banjir yang berlaku di kebanyakan negeri ketika ini bagi memastikan sekiranya ada golongan petani yang terjejas.

Katanya, sekiranya ada pegawai yang bertanggungjawab di kementerian itu akan membuat semakan agar bantuan dapat diberikan berdasarkan jumlah mangsa banjir dan nilai kehilangan hasil.

"Saya telah minta pegawai untuk 'check', jika ada aduan mereka (pegawai) akan rekodkan. Kita kena check betul-betul jumlah mangsa yang terjejas dan nilai hasil yang hilang, kita akan bantu," katanya.

Setakat pagi ini, situasi banjir di beberapa kawasan di Johor dan Pahang tidak banyak berubah dengan sembilan mangsa di Johor dipindahkan menjadikan jumlah terkini 5,367 orang daripada 1,466 keluarga berbanding malam tadi (5,358 orang).

Di Pahang pula, jumlah mangsa banjir di Temerloh, Bera dan Rompin tidak berubah dengan 1,049 orang daripada 268 keluarga masih berada di 13 pusat penempatan sementara di tiga daerah itu.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengeluarkan amaran cuaca waspada dengan jangkauan hujan lebat berlarutan di seluruh Kelantan dan Terengganu serta beberapa daerah di Pahang dan Sabah pada hari ini sehingga esok. - Bernama

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/12/2019	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Lebih 100,000 pesawah layak terima subsidi selepas proses pemutihan



Sebanyak 106,560 pesawah layak menerima Skim Subsidi dan Insentif Pesawah Bagi Meningkatkan Bekalan Beras Negara selepas proses pemutihan data mereka setakat ini, berbanding 112,942 yang direkodkan sebelum ini.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Seri Salahuddin Ayub berkata data berkenaan diperoleh selepas mengambil kira faktor pesawah yang telah meninggal dunia dan rekod tidak dijumpai.

Katanya, hasil semakan mendapati antara masalah yang berlaku adalah disebabkan pertukaran nama pemilik tanah kepada pewaris berikutan terdapat tanah yang mempunyai lebih daripada seorang penama.

"Di antaranya adalah masalah bagaimana kebun atau bendang itu diwariskan kepada anak, mungkin selepas dia uzur atau meninggal dunia, dan kadang-kadang satu geran kecil tapi (mempunyai) banyak nama" katanya kepada *Bernama* di Kuala Lumpur baru-baru ini.



Beliau berkata proses pemutihan data pesawah atau penerima itu dilaksanakan oleh Jawatankuasa Penapis di peringkat Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) yang dilakukan pada setiap musim penanaman.

Dalam Laporan Ketua Audit Negara Siri 2, 2018 yang dikeluarkan pada 2 Dis, terdapat pesawah yang sudah meninggal dunia 40 tahun lalu menjadi antara 7,061 individu yang dikesan masih tersenarai sebagai penerima Skim Subsidi dan Insentif Pesawah Bagi Meningkatkan Bekalan Beras Negara.

Laporan itu turut mendedahkan ia mengesan antara 3,210 hingga 7,061 pesawah sudah meninggal dunia masih menerima subsidi dan insentif setiap musim berjumlah RM57.92 juta.

Salahuddin yang juga Ahli Parlimen Pulau berkata berdasarkan hasil pemutihan data pesawah itu, didapati 94,512 pesawah masih hidup manakala dalam data pesawah yang menunjukkan 11,712 telah meninggal dunia dan selepas proses pemutihan data hanya 7,788 orang didaftarkan semula.

Bagi rekod tidak dijumpai pula, sebanyak 4,260 orang didaftarkan selepas proses pemutihan data berbanding 6,718 orang sebelum ini.



Dalam perkembangan lain, Salahuddin yang juga Timbalan Presiden Parti Amanah Negara (Amanah) berkata kementerian berkenaan akan turut sama memantau keadaan banjir yang berlaku di kebanyakan negeri ketika ini bagi memastikan sekiranya ada golongan petani yang terjejas.

Katanya sekiranya ada, pegawai yang bertanggungjawab di kementerian itu akan membuat semakan agar bantuan dapat diberikan berdasarkan jumlah mangsa banjir dan nilai kehilangan hasil.

"Saya telah minta pegawai untuk 'check', jika ada aduan mereka (pegawai) akan rekodkan. Kita kena check betul-betul jumlah mangsa yang terjejas dan nilai hasil yang hilang, kita akan bantu," ujarnya.

Setakat pagi ini, situasi banjir di beberapa kawasan di Johor dan Pahang tidak banyak berubah dengan sembilan mangsa di Johor dipindahkan menjadikan jumlah terkini 5,367 orang daripada 1,466 keluarga berbanding malam tadi (5,358 orang).

Di Pahang pula, jumlah mangsa banjir di Temerloh, Bera dan Rompin tidak berubah dengan 1,049 orang daripada 268 keluarga masih berada di 13 pusat penempatan sementara di tiga daerah itu.

Sementara itu, Jabatan Meteorologi Malaysia (MetMalaysia) mengeluarkan amaran cuaca waspada dengan jangkauan hujan lebat berlarutan di seluruh Kelantan dan Terengganu serta beberapa daerah di Pahang dan Sabah pada hari ini sehingga esok.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/12/2019	HARIAN METRO	ONLINE	

Tiada bukti ia lumba-lumba sama



TIADA bukti kukuh bangkai ikan lumba-lumba yang ditemui di Pantai Tanjung Gelam pada 14 Disember adalah ikan sama yang diselamatkan sekumpulan tujuh pelajar Universiti Malaysia Terengganu (UMT) dua hari sebelum itu.

Pensyarah Kanan Fakulti Perikanan dan Sains Makanan, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Dr Mohd Fazrul Hisam Abd Aziz berkata, fakta tepat yang boleh mengesahkan perkara itu hanya boleh dibuat melalui bedah siasat dan ujian asid deoksiribonukleik (DNA).

Tanpa menyalahkan atau menafikan keputusan mana-mana pihak sebelum ini, beliau berpendapat bahawa tanpa forensik, 'tidak kukuh' untuk membuat keputusan apatah lagi pelajar UMT tidak sempat

mengambil ukuran berat dan panjang ikan itu.

"Dalam keadaan cemas, pelajar terbabit tidak sempat mengambil ukuran panjang dan berat. Bagaimana boleh ia dikatakan ikan yang sama. Bedah siasat harus dilakukan dan pengesahan kematian harus berdasarkan fakta untuk memastikan bangkai itu adalah ikan yang sama diselamatkan pelajar UMT tersebut," katanya kepada Bernama hari ini.

Pada 12 Disember lalu, tujuh pelajar jurusan Biologi Marin UMT menyelamatkan seekor ikan lumba-lumba yang ditemui terdampar di pantai Tanjung Gelam dan mengangkat ikan itu ke kawasan lebih dalam namun haiwan itu terlalu lemah dan tidak berdaya menahan hempasan ombak yang terlalu kuat, tetapi akhirnya ia berjaya berenang semula ke lautan.

Bagaimanapun, dua hari selepas itu orang awam menemui bangkai lumba-lumba di sekitar lokasi yang sama dan ia kemudiannya disahkan oleh pihak tertentu bahawa bangkai itu adalah ikan yang sama diselamatkan pelajar UMT sebelum itu, tanpa sebarang bedah siasat berikutan organ dalamnya sudah mereput.

Mengulas lanjut, Mohd Fazrul Hisam berkata, meskipun kenyataan beliau agak pahit untuk diterima tetapi dalam bidang penyelidikan, tiada istilah yang boleh dirumuskan dengan 'mungkin' sebaliknya ia perlulah berdasarkan fakta.

"Kelestarian sumber perikanan hanya boleh direalisasikan berdasarkan fakta dan kajian saintifik secara menyeluruh. Ia teramatlah penting kerana kerjasama semua pemegang taruh untuk mencari titik kesamaan dalam menjaga sumber.

"Jikalau salah fakta dan diberikan tanpa kajian, kami risau akan memberi kesan sedikit sebanyak kepada cara pengurusan sumber perikanan secara mapan kelak. Biarlah masyarakat terdidik untuk mengkaji, menerima dan menyelidik berdasarkan fakta yang konkrit. Setiap kenyataan mengenai sumber perikanan harus berlandaskan fakta dan bukan 'mungkin'. Ia membabitkan nyawa hidupan marin," katanya.

Beliau sebelum ini menggunakan penduga gema untuk mengesan kehadiran ikan di perairan pantai UMT dan setakat ini terdapat 12 kumpulan ikan lumba-lumba di sekitar perairan itu dengan minimum enam ekor untuk satu kumpulan.

Mohd Fazrul Hisam berkata, kawasan UMT juga mempunyai pemecah ombak yang tinggi daripada batu-batuan ini.

Ombak pula pada musim tengkujuh ini setinggi empat hingga enam meter. Pelbagai kecederaan boleh terjadi kepada hidupan marin sekiranya berada berdekatan pada kawasan pemecah ombak ini.

"Sifat ikan lumba-lumba pula mengesan makanan menggunakan bunyi. Pada musim ini juga, bertakunya julang air, iaitu makanan di dasar akan naik ke kawasan permukaan air. Ini menarik perhatian anak-anak ikan juvenil dan hidupan marin lain yang bergantung kepada hidupan 'benthic' atau plankton sebagai makanan," katanya.

Mohd Fazrul yang sebelum ini pernah membuat kajian mengenai stok ikan negara berkata sebarang kecederaan, punca dan apa saja pada mamalia marin yang terdampar haruslah disusuli dengan siasatan dan kecederaan boleh datang dari pelbagai sudut, luaran atau dalaman.

"Kecederaan luaran boleh datang dari segi persaingan, kecederaan dari peralatan perikanan, kipas bot, hentakan objek keras dan pelbagai lagi. Kecederaan dalaman pula boleh jadi daripada umpan pancing yang digunakan iaitu umpan pancing ini hilang dan ikan lumba-lumba tertukar dengan makanan hidup.

"Ini hanya sebagai contoh. Adakalanya hidupan marin ini mempunyai penyakit dalaman seperti ketumbuhan dan sebagainya. Namun tiada kenyataan harus diberikan tanpa bedah siasat dilakukan," katanya.

ALLIES IN MEDICINE

UM SIGNS MOA FOR VETERINARY VACCINES

Collaboration with MVP will translate research output into commercial products

FARAH SOLHI
KUALA LUMPUR
news@nst.com.my

The agreement between UM's Tropical Infectious Diseases Research and Education Centre (TIDREC) and MVP is geared towards commercialising and marketing veterinary vaccines yielded from the research centre's findings.

TIDREC Director, Prof Dr Sazaly Abu Bakar said the MoA signified a momentous strategic collaboration.

"Here in TIDREC, we research and develop vaccines. However, we need the research output to be translated into commercial products that can be marketed. This is where MVP steps in as our partner.

"We look forward to utilising each other's expertise in vaccine development, and working to commercialise our findings.

"Through this collaborative

agreement, we will work together in venturing into new opportunities to explore and expand into new generations of vaccines in the veterinary field and eventually, develop vaccines for humans," he told a press conference after the signing ceremony at the UM Chancellery yesterday.

The MoA was inked by UM Vice-Chancellor Datuk Dr Abdul Rahim Hashim and MVP chief executive officer, Rashidah Ibrahim, witnessed by the chairman of UM's board of directors Tengku Datuk Dr Mohd Azzman Shariffadeen Tengku Ibrahim and chairman of MVP's board of directors, Datuk Mhd. Nordin Mohd Nor.

Dr Sazaly said TIDREC was working on developing a new vaccine, its first collaborative product with MVP.



Universiti Malaya Vice-Chancellor Datuk Dr Abdul Rahim Hashim and MVP chief executive officer Rashidah Ibrahim holding the memorandum of agreement at the signing ceremony in Kuala Lumpur yesterday. PIC BY NIK HARIFF HASSAN

The centre is also in the midst of the research stage in developing two more veterinary vaccines.

It is understood that the collaborative agreement will also emphasise the need to innovate new knowledge and manufacturing processes that will enable cost-effective local production of vaccines.

Sazaly addressed one of the obstacles in the growing industry, which was the lack of a skilled workforce.

"We need more people to be involved in developing the industry. I hope that from this MoA, both parties can take the initiative to prepare our graduates to meet the demands of the industry in the future," he said.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/12/2019	HARIAN METRO	LOKAL	12

Muara cetek jejas hasil tangkapan

Kuala Terengganu: Semua muara sungai utama di seluruh negeri ini dikategorikan cetek dan menyukarkan nelayan keluar masuk ke laut sekali gus menjejaskan hasil pendaratan.

Pengarah Jabatan Perikanan negeri, Zawawi Ali menjelaskan situasi ini menyebabkan hanya 25,000 tan hasil tangkapan didaratkan di semua jeti perikanan di negeri ini.

“Jika dilihat 25,000 tan didaratkan di jeti perikanan di negeri lain termasuk di Tok Bali, Kelantan dan di beberapa jeti di Kuantan berbanding 25,000 tan di semua jeti perikanan di Terengganu.

“Malah pendaratan ikan di 17 jeti di seluruh negeri ini dilakukan nelayan darat dan pengusaha bot kelas B,” katanya pada majlis Hari Bertemu Pelanggan di pekarangan Ibu Pejabat Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) Chendering, di sini, semalam.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/12/2019	SINAR HARIAN	E-TREND	21

e-Trend
Sains • Gaya • Teknologi

METODE efektif pemrosesan madu amat signifikan bagi mendapatkan hasil akhir yang terbaik. Dalam konteks proses itu, penciptaan fitur baharu berupaya meningkatkan kualiti produk supaya lebih tahan lama.

Yakin dengan keupayaan industri madu kelulut tempatan yang mampu dikembangkan lagi, empat penyeldik Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) Sabak Bernam, Selangor gigih memanfaatkan teknologi.

Hasil usaha mereka terbukti apabila berjaya membantu pengusaha industri kecil dan sederhana (IKS) dengan ciptaan alat pengasingan air dalam madu yang diberi nama mesin Polyvapour.

Gabungan kaedah *double boiling* dan *continuous drying* ternyata dapat menyelesaikan masalah yang membelenggu pemain industri tempatan.

Bukan sahaja dapat memastikan manislah lebah itu dapat dikekalkan dan tahan lama, bahkan ia membuktikan perjimatan masa, tenaga dan kos pengusaha madu kelulut.

Hanya dalam tempoh enam bulan, teknologi mesin pengasingan air dalam madu berjaya dicipta. Kini pengusaha IKS di Ladang Kelulut Tapak Ekspo Pertanian Malaysia Serdang (MAEPS) Serdang, Selangor sudah pun memanfaatkannya.

Ikuti perincian perkembangan inovasi mesin Polyvapour yang turut mendapat geran penyelidikan Public Private Research Network (PPRN) dalam sisipan *e-Trend* minggu ini.

MS 22-23

TIP MEMIKAT SURI HATI
26 FOREVER

PENGASINGAN AIR INDUSTRI MADU

Fitur baharu manisan lebah

Inovasi penyiddik PSIS bantu industri tempatan, usahawan madu kelulut

Oleh ARZIANA MOHMAD AZAMAN

PROSES mengasingkan air dalam manisan semula jadi madu lebah bukanlah mudah.

Pun begitu, penangan kesukaran dihadapi usahawan madu kelulut itulah yang menjadi titik tolak buat penyiddik Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) Sabak Bernam, Selangor mencipta inovasi yang ekstravaganza.

Gabungan idea empat penyiddik PSIS berjaya menghasilkan Mesin Pengasingan Air Dalam Madu yang diberi nama Polyvapour Drying Machine for Honey (Polyvapour) sekali gus mengharumkan nama Institusi berkenaan.

Cukup membanggakan apabila inovasi berkenaan hanya mengambil masa enam bulan sahaja. Ya, capkaran penyiddik tempatan dalam bidang itu tidak dapat disangkal lagi.

Mohamed Rizal Muhd Tayeb, Saifulbahari Mohd Rashid, Mohd Azli Adnan dan Wan Izma Azniza Mohamed Roseli telah membuktikan pencapaian mereka. Geran penyiddikan Public Private Research Network (PPRN) bagi tujuan pembangunan inovasi terabiti berjaya diperolehi.

Wakil penyiddik, Mohamed Rizal menjelaskan, Polyvapour dibangunkan dengan harapan ia dapat membantu merungkal permasalahan yang dihadapi oleh usahawan industri kecil dan sederhana (IKS) madu kelulut.

"Sebelum ini, mereka berdepan masalah khususnya dalam pengkalan kualiti madu dan perlu menjalani kaedah terbaik untuk mengasingkan air yang terdapat dalam manisan tersebut.



MESIN Polyvapour yang berjaya dihasilkan empat penyiddik PSIS Sabak Bernam.

"Kami memikirkan fitur baharu yang bersesuaian dengan fungsi untuk mengeluarkan cecair selain madu dan mengambil masa enam bulan untuk menyiapkannya," ujar beliau kepada e-Trend.

Mengulas lanjut mengenai inovasi berkenaan, Mohamed Rizal berkongsi, mesin Polyvapour yang dibangunkan sejak Mac 2019 itu menggabungkan dua konsep, *double boiling* dan *continuous drying* digunapakai bagi memastikan kualiti madu dapat dikekalkan.

Kaedah gabungan itu dikatakan bersesuaian sebagai jalan penyelesaian bagi mengatasi permasalahan yang dihadapi oleh ramai pemain dalam industri madu terutamanya madu kelulut.

"Kita sedia maklum mereka sering

PENGARAH PSIS, Ishauddin (kanan) menyempurnakan sesi penyerahan mesin kepada Pengurus Syarikat Trigona Bee, Norwazah Baharom sempena kunjungan di Taman Kelulut MAEPS Serdang.

berdepan masalah kandungan air yang tinggi dalam madu hingga menyebabkan kualiti madu tersebut rendah dan tidak tahan lama.

"Melalui kaedah *double boiling* iaitu pemanasan terkawal dengan suhu antara 40 darjah Celsius hingga 60 darjah

Celsius yang boleh diselaraskan, ia dapat mengeluarkan air yang terdapat dalam madu secara perlahan melalui proses pemelupaan," jelasnya.

Kualiti

Kaedah *continuous drying* pula menggunakan instrumen *hogger*. Ujar Mohamed Rizal, ia bertujuan untuk memastikan pengeringan madu dilakukan secara sekata dengan membalik-balikkan madu semasa proses pengeringan dilakukan.

"Gabungan dua konsep iaitu *double boiling* dan *continuous drying* itu diyakini dapat memastikan air dalam madu dikeluarkan menggunakan kaedah pemanasan terkawal dan pemelupaan yang sekata.

"Demi menjaga kualiti, mesin tersebut mampu memproses madu sehingga 600 liter padu dalam satu-satu masa. Proses ini dapat menurunkan kandungan madu yang melebihi 30 peratus semasa madu dikutip kepada maksimum 20 peratus kandungan air dalam tempoh kurang 24 jam," katanya.

Kaedah yang cukup berinovatif itu katanya, bukan sahaja dapat menjimatkan masa bahkan tenaga dan kos.



SIMBOLIK penyerahan mesin Polyvapour kepada pengusaha IKS yang terlibat dalam industri pengeluaran madu kelulut tempatan.



INOVASI mesin pengasingan air daripada madu kelulut menjadikan produk lebih berkualiti dan tahan lama.



MESIN yang cukup sofistikated itu membantu menyelesaikan masalah pengusaha madu kelulut untuk menghasilkan produk berkualiti tinggi.



SEBAHAGIAN pengusaha madu kelulut memberikan penerangan katika kunjungan PSIS Sabak Bernam ke Ladang Kelulut, MAEPS Serdang.

Berbanding dengan kaedah yang digunakan sebelum ini, ia memerlukan masa lebih 48 jam untuk mengeluarkan air dalam madu pada kapasiti maksimum 100 liter padu sahaja.

"Inovasi itu juga diharapkan dapat memberikan impak positif dalam industri

pengeluaran madu kelulut tempatan," katanya yang berkongsiakan fitur sofistikated itu kepada *e-Trend* baru-baru ini.

Kejayaan diperolehi bukanlah semudah memetik jari. Kongsi penyelidik PSIS, Mohamed Rizal, antara kekangan

yang dihadapi penyelidik semasa menyilapkan pembuatan mesin Polyvapour itu adalah cabaran mendepani proses pembuatannya.

"Kami perlu berdepan dengan situasi menggunakan sepenuhnya bahan kelulut tahan karat dan bahan yang tebal metalul

ANEKDOT

APA itu kelulut?

- Kelulut juga terkenal dengan nama saintifiknya, *Melliponini*.
- Sejenis lebah tidak bersangat yang menghasilkan manisan seperti lebah madu.
- Dianggarkan terdapat hampir 500 spesies kelulut di seluruh dunia. Antaranya *Geniotrigona Thoraica*, *Heterotrigona itama*, *Lepidotrigona Terminata*, *Tetragonula Laeviceps* dan *Trigona Apicalis*.
- Lebah kelulut boleh didapati di Australia, Afrika, Asia Tenggara, dan kawasan tropika Amerika.

proses pemotongan menggunakan laser. "Tahap kualiti bahan yang tinggal juga perlu dipastikan untuk spesifikasi makanan kerana melibatkan madu, selain sistem pemotoran yang bersesuaian," ujarnya.

Mesin Polyvapour berkenaan diserahkan kepada syarikat Trigona Bee Sdn Bhd iaitu pengusaha IKS yang terlibat dalam industri pengeluaran madu kelulut tempatan.

Melalui penyerahan mesin Polyvapour itu disempurnakan Pengarah PSIS, Ishanuddin Hussin di Ladang Kelulut, Taman Ekspo Pertanian Malaysia (MAEPS) Serdang baru-baru ini.



INOVASI Polyvapour membantu industri pengeluaran madu kelulut tempatan.



GERAN penyelidik PPRN dalam projek madu kelulut membantu penyelidik mencipta inovasi baharu untuk usahawan terutamanya luar bandar.



ISHANUDDIN menghirup madu kelulut segar ketika kunjungan ke Ladang Kelulut MAEPS Serdang baru-baru ini.

PPRN bukti kemampuan penyelidik tempatan

PENGARAH Politeknik Sultan Idris Shah (PSIS) Sabak Bernam, Selangor, Ishanuddin Hussin optimis dengan pengembangan penyelidikan Public Private Research Network (PPRN) melibatkan kakitangannya.

Menurutnya, PPRN merupakan salah satu peluang kepada pensyarah dan penyelidik di institusi pengajian tinggi (IPT) bagi menonjolkan kemahiran mereka untuk membantu masyarakat dan industri tempatan.

"Mereka bukan sahaja dapat mencipta inovasi terbaharu bahkan membantu menyelesaikan isu kekurangan teknologi yang tidak mampu ditangani usahawan terutamanya di luar bandar.

"Saya yakin inovasi dicipta penyelidik yang membawa nama PSIS dapat

membantu usahawan IKS mengembangkan perniagaan mereka pada masa akan datang," ujarnya.

Untuk rekod, PPRN dilancarkan pada 24 Februari 2015 lalu dan merupakan model kerjasama strategik antara institusi pengajian tinggi, Industri dan agensi-agensis kerajaan.

Geran penyelidikan itu bertujuan untuk menggalakkan program inovasi yang berasaskan permintaan dalam memacu pembangunan produktiviti dan inovasi negara.

PPRN terbuka kepada semua penyelidik IPT, yang mana Industri akan membentangkan permasalahan teknologi dan penyelidik memberi cadangan bagaimana mereka boleh membantu Industri.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/12/2019	BERITA HARIAN	ONLINE	

Datuk Mohd Sallehuddin Hassan kini TKP di JPA



KUALA LUMPUR: Bekas Ketua Setiausaha (KSU) Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani (MOA), Datuk Mohd Sallehuddin Hassan dilantik sebagai Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operasi) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA).

Beliau sebelum ini dilaporkan dipindahkan ke JPA selepas timbul kontroversi isu tender padi bernilai RM1.4 bilion membabitkan Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS).

Pelantikan itu diumumkan oleh JPA, hari ini.

"Tahniah Datuk Mohd Sallehuddin Hassan di atas pelantikan sebagai Timbalan Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam (Operas) JPA. Selamat menjalankan tugas," JPA berkata dalam mesej di Facebook.

Isu pertukaran Mohd Sallehuddin timbul pada hujung November lalu, apabila satu portal berita melaporkan beliau kononnya ditukarkan pada 22 November lalu, susulan kontroversi tender padi bernilai RM1.4 bilion.

Pertukaran itu didakwa dilakukan sehari selepas Presiden MCA, Datuk Seri Dr Wee Ka Siong, membangkitkan dakwaan mengenai penganugerahan kontrak itu kepada NAFAS secara rundingan terus, di Dewan Rakyat.

Susulan kenyataan Ka Siong yang juga Ahli Parlimen Ayer Hitam itu, Menteri Wilayah Persekutuan yang juga Pengarah Komunikasi Parti Amanah Negara (AMANAH), Khalid Samad dilaporkan mendakwa, isu tender NAFAS tercetus kerana tindakan sabotaj daripada pegawai kerajaan.

Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Salahuddin Ayub, bagaimanapun dilaporkan berkata, pemindahan Mohd Sallehuddin itu adalah pertukaran biasa pegawai kanan antara kementerian dan jabatan kerajaan.

Semalam, Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr Ismail Bakar menafikan dakwaan kononnya lima KSU kementerian akan ditukarkan.

Perbaharui komitmen sektor pertanian: Daim

Kuala Lumpur: Negara perlu memperbaharui komitmen dalam sektor pertanian untuk memastikan keperluan asas makanan dapat dinikmati pada harga tidak membantakan rakyat.

Justeru, penasihat ekonomi, Tun Daim Zainuddin berharap kerajaan perlu menangani masalah yang dihadapi sektor itu yang menyebabkan ketidakupayaan dalam memenuhi keperluan domestik negara.

Langkah sedemikian juga diharapkan mampu meredakan rasa tidak puas hati rakyat terhadap isu kos sara hidup yang membekong mereka.

"Harapan saya pada tahun hadapan perlu ada komitmen berkaitan harga kita dapat menurunkan harga makanan supaya dapat dimanfaatkan oleh seluruh rakyat Malaysia.

"Wujudkan peluang pekerjaan melalui bidang pertanian supaya pendapatan rakyat akan mening-

kat dan semua orang akan mendapat manfaat daripadanya," katanya pada sesi syarahan Tunku Abdul Rahman Ke-29 anjuran Institut Pengurusan Malaysia (MIM), di sini, semalam.

Beliau berkata, negara juga tidak seharusnya mempunyai alasan untuk meningkatkan bidang pertanian memandangkan Malaysia mempunyai banyak kepakaran dalam sektor berkenaan.

"Tidak susah untuk dapatkan pakar kerana kita ada Universiti Putra Malaysia (UPM), ada ramai pakar dalam bidang berkenaan. Tidak perlu ada alasan lagi," katanya.

Sementara itu, enam tokoh di anugerahkan Court of Emeritus Fellows (COEF) oleh Institut Pengurusan Malaysia (MIM) sempena Siri Syarahan Tunku Abdul Rahman Ke-29 berkenaan.

Anugerah tertinggi institut berkenaan disampaikan kepada Pengerusi Nestle Malaysia, Tan Sri



Daim bersama penerima anugerah sempena Siri Syarahan Tunku Abdul Rahman Ke-29 di Kuala Lumpur, (Foto Syarafiq Abd Samad /BH) semalam.

Syed Zainol Arwar Syed Putera
Jamalullaili; Ketua Polis Pulau Pi-

nutang, Datuk Seri A Thaiveegan Arumugam dan Pengarah Eksekutif YTL Corporation Berhad, Datuk Mohamad Medan Abdul-

lah; Naib Presiden Pengurusan Akaun bagi Asia Pasifik AECOM, Datuk Zainal Amanah dan Pengerusi Kolej Perubatan Manipal Melaka, Dr Arun Kumar.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
19/12/2019	MALAYSIA KINI	ONLINE	

Daim harap k'jaan perbaharui komitmen turunkan harga makanan



Penasihat Ekonomi kepada Kerajaan Tun Daim Zainuddin berharap dapat menyaksikan komitmen baharu oleh kerajaan untuk menurunkan harga makanan pada tahun depan.

Beliau berkata kerajaan perlu menangani punca utama kepada masalah itu dahulu iaitu ketidakupayaan sektor pertanian negara untuk memenuhi permintaan domestik.

Katanya langkah sedemikian akan membantu mengurangkan rasa tidak puas hati rakyat terhadap isu kos sara hidup.

Menyatakan akses kepada tanah dan pembiayaan sebagai antara punca utama, katanya: "Cadangan saya kepada kerajaan ialah mempunyai agensi khas hanya untuk menangani isu ini, pastikan tanah mudah didapati dan mempunyai dana khas untuk ini," katanya pada Kuliah Tunku Abdul Rahman ke-29 di Kuala Lumpur hari ini.

Daim berkata birokrasi kementerian dan agensi perlu dikurangkan untuk meningkatkan kecekapan penyampaian dan mewujudkan cara yang lebih mudah untuk menjalankan perniagaan.

"Perlu ada kecekapan dan kita memerlukan orang yang mempunyai integriti untuk menjalankan semua agensi ini," katanya.

Beliau berkata dengan komitmen kerajaan dan kesediaan rakyat untuk memberi tumpuan kepada sektor pertanian, negara dapat mengurangkan jumlah import makanan agro, yang melebihi RM52 bilion pada tahun lepas, dalam tempoh tiga tahun.

Selain itu, katanya dengan memberi penekanan kepada sektor pertanian, ia akan mewujudkan pekerjaan dan meningkatkan pendapatan dalam sektor ini.

"Akhirnya, apa yang penting ialah kita mempunyai kehidupan yang sihat, kos sara hidup turun, produktiviti meningkat dan pendapatan naik. Jadi, semua orang gembira," katanya.